



11 AUG, 2022

Hidupkan keusahawanan sosial sukan elak tagih ihsan kerajaan

Berita Harian, Malaysia



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Page 1 of 2

Hidupkan keusahawanan sosial sukan elak tagih ihsan kerajaan

- Keusahawanan sosial sukan bantu pasukan bola sepak wanita England redah sifat prejudis sehingga ungguli Euro 2022

- Kelab, persatuan sukan tanah air perlu pengurusan, kepemimpinan bertunjangkan perniagaan, mempunyai ilmu perniagaan



Oleh Mohd Sadek Mustaffa
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Sukan
dan Rekreasi,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Shah Alam

Ketika atlet angkat berat tanah air, Mohammad Aniq Kasman menghadiahkan emas pertama pada temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022, London yang melabuhkan tirai kelmarin, England heboh dengan pencapaian pasukan bola sepak wanitanya ke Final Euro 2022.

Pelbagai rencana ditulis pengarang akhbar utama dan pengkritik bola sepak terhadap pencapaian luar biasa itu, tetapi perkara yang menarik perhatian adalah bagaimana bola sepak wanita didedahkan sedangkan Persatuan Bola Sepak (FA) England dan Kementerian Pendidikan tidak memberikan sokongan penuh sukan itu dimainkan pelajar wanita di sekolah seluruh United Kingdom (UK).

Bagaimanapun dengan sokongan sekilip mata, 87,192 penyokong hadir ke Stadium Wembley memberikan impak positif kepada pasukan wanita negara itu, sekali gus mencatat sejarah dengan menjurai Kejohanan Euro 22 buat julung kalinya.

Bola sepak wanita England melalui sejarah panjang bermula dengan episod larangan mereka bermain sukan itu pada 1921 yang hanya ditarik balik 70 tahun kemudian. Bagaimanapun, liputan BBC kali pertama hanya dibuat di Piala Dunia Wanita di Kanada pada 2015.

Kejohanan Euro 2005 di England pula mendapat sambutan dingin peminat bola sepak, malah lebih malang apabila semua persaranan dilangsungkan di utara England dan mendapat liputan amat menyedihkan oleh media cetak serta penyiaran.

Sikap prejudis terhadap bola sepak wanita tercatat dalam dataran kajian ilmiah Stacey and Jamie Cleland pada 2015 terhadap liputan sambil lewa diberikan di Piala Dunia Wanita 2015.

Justeru, bagaimanakah pasukan bola sepak wanita England mampu berkembang sehingga menjadi juara di Euro 2022 di sebalik sikap prejudis diterima? Rahsianya terletak kepada keusahawanan sosial sukan diajukan sejak lama.

Keusahawanan sosial sukan secara mudah boleh ditakrifkan sebagai organisasi menjual barang atau perkhidmatan untuk memperoleh pendapatan dan melaksana aktiviti memberikan manfaat terhadap struktur sosial masyarakat serta persekitaran.

Organisasi itu juga menyumbangkan khidmat sosial melalui perlengkapan dilakukan dan tidak mengagihkan keuntungan kepada entiti persendirian, selain dimiliki individu mempunyai pegangan dalam perniagaan seperti menjadi pekerja, pembeli atau mereka yang tinggal dalam lingkungan komuniti tertentu.

Keusahawanan sosial sukan menjana keuntungan (kewangan) daripada perniagaan atau perkhidmatan diberikan, tetapi tidak menolak dana hendak disumbangkan walaupun ia bukan amalan lazim.

Persoalan timbul di manakah peranan sosial jika keuntungan menjadi tema perniagaan dijalankan? Sebenarnya, aspek sosial diajukan adalah pekerja yang diambil dalam kalangan pengangur diberi latihan dan bimbingan agar tidak terpinggir dalam komuniti.

Aspek sosial dipraktikkan dengan saham dalam syarikat diajukan dalam kalangan komuniti atau

ahli kelab agar memperoleh manfaat daripada kejayaan atau keuntungan perniagaan dijalankan seperti koperasi memberikan dividen kepada ahli.

Keusahawanan sosial tidak mementingkan keuntungan melampaui, sebaliknya menggunakan terna bantuan sosial terhadap golongan kurang bernasib baik untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Berpegang falsafah pembangunan komuniti, keusahawanan sosial sukan memberi ruang kepada persatuan atau kelab sukan terus berdikari dengan menjana pendapatan daripada perniagaan tanpa mengharapkan dana bantuan kerajaan.

Prinsip keusahawanan sosial sukan

Ekosistem keusahawanan sosial sukan ternyata berjaya di England sejak 1830-an hingga individu terkenal seperti Micheal Young mampu menguruskan *School for Social Entrepreneurs* pada 1997. Keupayaan mencorak individu kepada ejen perubahan sosial dan komuniti menjadikan teras kejayaan keusahawanan sosial sukan di England.

Kejayaan keusahawanan sosial sukan di England didukung beberapa prinsip teras, iaitu memperkenal keluaran besar yang menjadikan agenda utama kerajaan konservatif untuk menghulurkan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik.

Berpegang kepada asas itu, kerajaan sebelum ini menggubal undang-undang memastikan pengangguran dan golongan kurang bernasib sentiasa terbela dengan tertubuhnya *Co-operative Development Agencies* pada 1980-an.

Berasaskan pegangan itu, komuniti di England menguruskan kelab dan persatuan sukan tanpa bantuan dana kerajaan seperti dibuktikan pasukan bola sepak wanita England pada awal penubuhan kelab berdasarkan komuniti hingga berkembang menjadi entiti berjaya.

Justeru, bagaimanakah keusahawanan sosial sukan boleh dikembangkan dalam kelab atau persatuan sukan di negara ini? Memang ia bukan semudah mengurniakan makan, sebaliknya perubahan ekosistem pengurusan dan kepemimpinan kelab serta persatuan memerlukan iltizam dan usaha keras dalam komuniti sukan.

Perkara utama, kelab dan persatuan sukan memerlukan pengurusan serta kepemimpinan bertunjang perniagaan serta mempunyai ilmu dalam bidang perniagaan.

Kedua, kelab mempunyai komuniti atau ahli

benar-benar ikhlas sehingga sanggup berkorban untuk menyokong segala usaha perniagaan diperkenalkan kelab atau persatuan. Separuh keuntungan diperoleh perlu dilabur untuk mengembangkan perniagaan sedia ada atau mencambahkan perniagaan baharu, manakala bakiannya disalur untuk kebaikan komuniti dan ahli kelab.

Kuasa komuniti gerakan pasukan

Jika kita berkunjung ke kelab bola sepak terkenal dimiliki golongan korporat di England, komuniti di sekitarnya menganggap penyokong antarabangsa yang hadir ke stadium sebagai perampas hak sosial komuniti setempat.

Kekesalan itu timbul kerana penduduk setempat tidak lagi berpeluang mengunjung stadium kelab bola sepak yang suatu ketika dahulu menjadi tempat berkumpul komuniti setiap hujung minggu.

Kini, mereka menubuhan kelab bola sepak komuniti yang mementingkan perkembangan dan kebaikan sosial komuniti setempat dengan mengaplikasi konsep keusahawanan sosial sukan. Komuniti setempat menjadi pemegang saham kelab, pembeli semua barang diniagakan dan pengumpul dana untuk kelab terus terurus serta terpelihara.

Sebenarnya, setiap perubahan keluar daripada kelaziman melalui proses penuh cabaran dan kekuatan luar biasa. Persatuan dan kelab sukan sudah terbiasa dengan suntikan dana kerajaan Persekutuan atau negeri akan rasa terbeban dengan usaha yang tiada dalam tadbir urus mereka sebelumnya.

Sehubungan itu, dalam usaha membina ekosistem baharu keusahawanan sosial sukan, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersama Oxientia, Universiti Oxford berusaha melahirkan pembimbing melalui Kursus Keusahawanan Sosial Sukan.

Pada 18 hingga 26 Julai lalu, 28 peserta dari negara ini menamatkan kursus *Professional Master Class Leadership and Management Sports Social Enterprise* di College St Catherine, Universiti Oxford.

Selain peserta dari UiTM, ia dihadiri wakil Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Sukan Negeri Perak, Johor Sports dan pelajar ijazah lanjut di universiti di United Kingdom.



Pasukan bola sepak wanita England walaupun sering dipinggirkan mampu merangkul kejuaraan Euro 22.



11 AUG, 2022

Hidupkan keusahawanan sosial sukan elak tagih ihsan kerajaan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

. Keusahawanan sosial sukan bantu pasukan bola sepak wanita England redah sifat prejedis sehingga ungguli Euro 2022